

KEPENTINGAN DAN KEPERLUAN MEMPELAJARI BAHASA AL-QURAN

MD NOOR BIN HUSSIN (DR)
MOHD ZAKI AHMAD
SAIFULAH SAMSUDIN (DR)

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Bahasa Al-Quran atau Bahasa Arab merupakan bahasa ilmu yang perlu dipelajari oleh semua peringkat samada secara formal atau tidak formal. Kebiasaannya Bahasa Al-Quran diajarkan serta dipelajari di institusi-institusi pendidikan; sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi dengan menggunakan istilah Bahasa Arab, bukannya Bahasa Al-Quran. Namun, bagi masyarakat awam istilah Bahasa Al-Quran lebih dirasai kepentingan dan keperluan mempelajarinya. Rentetan itu, ia juga turut diajarkan dan dipelajari di kalangan masyarakat awam di pelbagai premis terutamanya surau dan masjid. Justeru, makalah ini akan melihat secara deskriptif kepentingan dan keperluan mempelajari Bahasa Al-Quran.

Kata Kunci: *Bahasa Al-Quran, kepentingan, keperluan, Masyarakat Awam*

Pengenalan:

Bahasa Al-Quran atau Bahasa Arab merupakan bahasa ilmu yang perlu dipelajari oleh semua peringkat samada secara formal atau tidak formal. Kebiasaannya Bahasa Al-Quran diajarkan serta dipelajari di institusi-institusi pendidikan; sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi dengan menggunakan istilah Bahasa Arab, bukannya Bahasa Al-Quran. Namun, bagi masyarakat awam istilah Bahasa Al-Quran lebih dirasai kepentingan dan keperluan mempelajarinya. Rentetan itu, ia juga turut diajarkan dan dipelajari di kalangan masyarakat awam di pelbagai premis terutamanya surau dan masjid (Md Noor, 2017).

Penggunaan Istilah Bahasa Al-Quran:

Bahasa A-Quran merupakan istilah lain yang digunakan bagi merujuk kepada Bahasa Arab. Penggunaan istilah Bahasa Al-Quran ini terdapat pada penulisan buku, jurnal, prosiding dan penulisan-penulisan umum. Istilah ini juga turut digunakan dalam organisasi pendidikan seperti yang digunakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, iaitu Jabatan Bahasa Al-Quran (Department of Qur'anic Language). Jabatan ini diwujudkan untuk menawarkan kursus Bahasa Arab berdasarkan versi Al-Quran Al-Karim (*the Qur'anic version of Arabic Language courses*).¹ Kursus yang ditawarkan bertujuan untuk membolehkan pelajar memahami Al-Quran dan Hadis. Bagi penulisan buku, Dr Khalid Zaheer (2013) telah memperkenalkan Qur'anic Arabic for Beginners². Manakala Hafiza Iffath Hasan (2010) juga menggunakan istilah Bahasa Al-Quran dalam bukunya yang berjudul Qur'anic Language Made Easy³.

Dalam aspek yang lain, Azhar Bin Muhammad (2005) melihat bahawa Al-Quran telah memberikan nafas baru dan sumbangan yang besar terhadap perkembangan Bahasa Arab. Al-Quran telah dapat memanjangkan lagi hayat bahasa ini, menyatukan kepelbagaian dialeknya dan menjadikannya sebagai bahasa intelektual dan ketamadunan. Apa yang lebih penting, al-Quran telah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang kaya dengan kosa kata, bahasa yang utuh dengan tata bahasa dan gaya bahasanya hingga dapat mengatasi bahasa-bahasa lain.

Penggunaan Bahasa AL-Quran bagi merujuk kepada Bahasa Arab sangat sesuai kerana pemahaman A;-Quran terikat dengan pemahaman terhadap Bahasa Arab. Hasyim Asy'ari (2016) menyatakan keunggulan bahasa arab dengan tidak hanya terletak sebagai bahasa agama, akan tetapi bahasa arab mempunyai keistimewaan dalam segi ilmu kebahasaannya. Dengan mengkaji ilmu kebahasaannya akan dapat menikmati keindahan tata bahasa Al-Qur'an yang merupakan unsur kemukjizatan AL-Qur'an. Dengan kesempurnaan tata bahasa Al- Qur'an tidak akan ada yang bisa meniru Al-Qur'an.

Penggunaan istilah Bahasa Al-Quran juga akan menjadikan seseorang terasa dekat dengan Bahasa Arab. Ini kerana hampir setiap hari orang muslim akan bersentuhan, berinteraksi serta berdialog Al-Quran tersebut sehingga terasa akrab dengannya. Selain itu tentunya tulisan ini juga berusaha menghadirkan pembelajaran Bahasa Arab yang mudah, jelas serta familiar dengan para peminat Bahasa yang indah itu. (Muammar, 2014)

¹ <http://www2.iium.edu.my/cfs/departments/qld>

² <http://www.al-mawrid.org/index.php/learning/quranic-arabic-for-beginners/view/quranic-arabic-for-beginners-lesson-1>

³ Terbitan: IQRA' International Educational Foundation.

Bahasa Arab Al-Quran juga merupakan bahasa yang jelas, sarat makna, bernas, indah, aktual, kontekstual, dan logic sesuai dengan fungsinya sebagai petunjuk kehidupan bagi manusia (hudan li an-nas). (Muhbib, 2017). Justeru, banyak tulisan dan penyelidikan yang dijalankan bagi mencerahkan lagi realiti ini seperti kajian yang dijalankan Arifuddin (2014). Beliau mengkaji tentang sisi kekuatan imaginasi gaya bahasa Al-Quran bertujuan untuk meneguhkan keberadaan Al-Quran sebagai kitab mukjizat bagi Nabi Muhammad saw mengemukakan makna dan huraia Al-Qurann yang hidup dan bergerak.

Disamping itu, keinginan masyarakat awam untuk mempelajari Bahasa Al-Quran juga bertitik tolak daripada tuntutan memahami Al-Quran dan kesempurnaan Ibadah kepada Allah swt. Ibadah Solat sebagai contoh, Allah Ta'ala pun telah menetapkan bahwa cara manusia berkomunikasi denganNya dengan menggunakan Bahasa Arab. Solat itu menjadi tidak sah sekiranya tidak menggunakan Bahasa Arab. Begitu juga dengan beberapa Ibadat yang lain (Md Noor, 2016). Justeru, peluang mempelajari Bahasa Al-Quran diperluaskan dan bukan hanya menjadi hak eksklusif kepada golongan pelajar di institusi pengajian, bahkan ia diajarkan kepada semua pihak baik belia mahupun golongan berusia melalui kelas percuma, pengajian bersiri berbayar, kuliah secara terbuka dan lain lain lagi (Redzaudin, Md Noor, 2016)

Kepentingan Bahasa Al-Quran:

Kepentingan Bahasa:

Dalam al-Quran al-Kari:m, kepentingan penganugerahan potensi atau kemahiran berbahasa mempunyai pertalian dengan pembelajaran dan pengilmuan kepada manusia yang termaktub dalam surah al-Baqarat pada ayat 31:

{ وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ }

Maksud ayat:

“Dan Allah telah mengajar Adam tentang nama-nama benda dan kegunaannya (hakikat) segala kejadian, kemudian ditunjukkan kepada para Malaikat lalu Dia Allah berfirman: Terangkanlah kepada Aku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar.”

Di sebalik ayat tersebut, Nabi Adam a.s. telah mempelajari daripada Allah s.w.t ilmu pengetahuan melalui medium kemahiran berbahasa, bukan sekadar pengenalan nama segala kejadian di alam semesta ini, bahkan turut meliputi sifat-sifat, kegunaan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan pelbagai bidang ilmu. Ayat ini turut memberikan pengertian bahawa keturunan Adam a.s.

iaitu manusia dikurniai Allah s.w.t ilmu bahasa atau ilmu pengenalan yang berkaitan pula dengan penguasaan dalam cabang-cabang ilmu yang lain (Awang Sariyan, 2007 :75). Demikianlah rapatnya penguasaan atau pembelajaran ilmu bahasa dengan penguasaan cabang-cabang ilmu lain melalui alat potensi berbahasa yang boleh diaplikasi dalam bentuk gagasan pendidikan bersepadu, termasuk pendekatan bersepadu dalam pendidikan bahasa.

Pada hakikatnya, penganugerahan bahasa ini adalah amat penting bagi manusia. Ini kerana mereka dapat memperoleh dan mempelajari sesuatu bahasa dan mengaplikasikannya untuk tujuan berkomunikasi, menahirkan perasaannya, menyampaikan ilmu dan mengakumulasinya, mengabadikan ilmu itu, mencipta keindahan melalui kesusasteraan, dan menurunkan ilmu, kebudayaan, peradaban daripada satu generasi kepada generasi yang lain (Mangantar Simanjuntak, 1982 : 1).

Kepentingan Bahasa Arab

Dalam kajian ini, penulis memetik mengenai kepentingan pembelajaran Bahasa Arab daripada beberapa kajian yang berkenaan. Antara kajian tersebut ialah Muhammad ‘Aliyy al-Khu:liyy (1982 :19-20). Berikut ialah kepentingan bahasa Arab secara ringkas:

- i- Bahasa Arab ialah bahasa al-Quran al-Kari:m. Dengan bahasa tersebut setiap muslim dapat membaca dan memahami isi kandungan al-Quran yang mengandungi perintah-perintah suruhan dan larangan serta hukum-hukum syarak.
- ii- Bahasa Arab ialah bahasa solat. Setiap muslim yang menunaikan solat mesti mengguna pakai bahasa Arab. Bahasa Arab juga merupakan bahasa yang berkait dengan rukun asasi dalam Islam. Justeru itu, pembelajaran Bahasa Arab adalah wajib ke atas setiap muslim.
- iii- Bahasa Arab ialah bahasa hadith. Justeru itu, setiap muslim yang ingin membaca hadith dan menguasai isi kandungannya hendaklah mengetahui bahasa Arab.
- iv- Bahasa Arab ialah suatu bahasa yang mempunyai status ekonomi bagi negara Arab, kerana mereka mempunyai kekayaan sumber minyak dan galian. Oleh itu, bahasa Arab menjadi medium yang penting bagi sesiapa yang ingin berurusan dengan negara-negara Arab dari segi ekonomi mahupun politik.
- v- Bahasa Arab diguna pakai sebagai bahasa pertama oleh 22 buah negara Arab dan bahasa kedua di kebanyakan negara Islam. Ini menunjukkan 1/7 penduduk dunia menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pertama. Di samping itu, banyak penutur natif bahasa Arab mempelajarinya kerana didorong oleh ajaran Islam.

Bahasa Al-Quran dan Matlamat Negara

Pembelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah di Malaysia berkait rapat dengan matlamat dan hala tuju negara untuk menghadapi cabaran masa depan dan merealisasikan matlamat berkaitan hubungan antarabangsa dari aspek berikut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999 : 2) :

A) Politik Antarabangsa

Pengetahuan Bahasa Arab perlu dan berharga kerana Malaysia kini telah mengambil bahagian yang aktif dalam perbincangan politik antarabangsa. Pandangan Malaysia telah mendapat tempat di persidangan antarabangsa seperti Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) dan sebagainya.

B) Bahasa Bangsa-Bangsa Bersatu

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa rasmi yang digunapakai di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pengetahuan bahasa tersebut adalah sangat penting untuk membolehkan perwakilan Malaysia memainkan peranan yang berkesan pada peringkat politik antarabangsa.

C) Bahasa Penting Dunia

Pengetahuan bahasa kedua khususnya Bahasa Arab akan memudahkan perhubungan pada peringkat antarabangsa dengan negara-negara yang menutur bahasa tersebut. Apa yang berlaku di negara luar sedikit sebanyak mempunyai kaitan dengan negara kita. Pengetahuan bahasa Arab sudah tentu dapat mempertingkatkan hubungan diplomatik dengan negara-negara tersebut.

D) Ilmu Pengetahuan

Pembelajaran Bahasa Arab di negara kita ialah bertujuan untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan di bidang pengetahuan Islam dan Bahasa Arab di samping bidang sains dan teknologi dari negara-negara Islam seperti bidang kedoktoran dan lain-lain. Ini kerana pengetahuan sains dan teknologi merupakan hasil penemuan sarjana-sarjana Islam yang silam. Kita umat Islam adalah bertanggungjawab memartabatkan kembali ilmu-ilmu peninggalan silam itu di tempat yang sewajarnya.

E) Perkembangan Perindustrian

Perkembangan perindustrian yang pesat di negara kita adalah disebabkan oleh bahan mentah yang banyak dan iklim politik yang positif. Ini sudah pasti akan menarik pelabur-pelabur luar untuk

menanam modal di sini. Penguasaan Bahasa Arab akan membolehkan lebih banyak rombongan dihantar ke negara-negara Arab bagi meningkatkan perdagangan dua hala. Justeru, rakyat Malaysia akan menikmati lebih banyak peluang pekerjaan, pendapatan negara akan meningkat dan kualiti hidup penduduk akan bertambah lebih efektif.

F) Pelancongan

Rakyat Malaysia yang mampu menguasai dewibahasa atau lebih akan dapat menarik lebih ramai pelancong luar dari negara Arab ke negara kita. Usaha-usaha untuk memperkenalkan negara kita kepada negera-negara itu akan dilaksanakan dengan lebih efektif dan kondusif. Kerajaan Malaysia telah membelanjakan sejumlah bajet yang besar bagi memperkembangkan sektor industri tersebut. Adalah wajar bagi kita membekalkan pekerja yang menguasai dan mahir menggunakan Bahasa Arab untuk menjayakan usaha tersebut.

Keperluan Mempelajari Bahasa Al-Quran:

Keperluan mempelajari Bahasa Al-Quran boleh diperlihatkan dalam perkara-perkara yang berkait dengan keperluan agama atau ibadah, keperluan pelancongan, keperluan perniagaan dan sebagainya. Bagi keperluan Bahasa Arab untuk tujuan Agama, kajian Najib Jaafar (2013) menunjukkan betapa pentingnya Bahasa Arab Tujuan Agama dalam akademik dan kerjaya. Keperluan mempelajari Bahasa Al-Quran bagi tujuan Ibadah boleh dilihat dalam pelaksanaan ibadah Haji dan Umrah seperti yang telah diperakukan oleh Mohd Sollah Mohamed (2016) dalam dapatan kajiannya. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti jemaah Haji dan Umrah menginginkan satu modul khas untuk membantu mereka dalam menunaikan Haji dan Umrah untuk mengejar kesempurnaan ibadah Haji dan Umrah.

Bagi Keperluan mempelajari Bahasa Al-Quran Untuk Pelancongan Islam, kajian Imran Ahmad (2017) mendapati Pelancong Arab menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan mereka pada setiap kali percutian musim panas kerana Malaysia memiliki aset berharga dengan kekayaan alam tropika yang mewah dengan kepelbagaian flora dan fauna dan masyarakat berbilang kaum. Tidak kurang juga pusat membeli belah yang tumbuh bagai cendawan di negara ini menggamit para pelancong dari Timur Tengah.

Kesimpulan:

Secara umumnya, maqalah menunjukkan secara jelas akan kepentingan dan keperluan mempelajari Bahasa Arab. Maqalah juga menunjukkan penggunaan Bahasa Al-Quran boleh menjadikannya lebih dekat kepada pelajar khususnya masyarakat awam kerana Al-Quran Al-

Karim dibaca secara kerap samada di dalam solat atau luar solat. Justeru, penggunaan Bahasa Al-Quran boleh diperluaskan khususnya di kalangan masyarakat awam untuk menarik minat mereka untuk mempelajarinya.

Rujukan:

- Ahmad Redzaudin Ghazali, Dr. Md Noor Hussin, Saupi Man, Khairatul Akmar Abd Latif, Mohammad Rofian Ismail, Wan Muhammad Akhyar Ab Shatar, Tahap Kesedaran Masyarakat Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Di Masjid, *e-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization* e-ISSN: 2289-6759 Volume 3-2016
- Arifuddin , Daya Imajinasi Gaya Bahasa Al-Quran dalam Perspektif Ilmu Retorika Arab , *Proceeding International Seminar Living Phenomena of Arabic Language and Al-Quran*, 2014, Yogyakarta - Universitas Ahmad Dahlan – 2014
- Awang Sariyan. (2007). *Perkembangan Falsafah Bahasa dan Pemikiran dalam Linguistik*. Petaling Jaya : Sasbadi Sdn. Bhd.
- Azhar Bin Muhammad, Beberapa Aspek Keunikan Dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran, *Jurnal Teknologi*, 42(E) Jun. 2005: 61–76 © Universiti Teknologi Malaysia (<http://eprints.utm.my/1827/1/JTJUN42E5.pdf>)
- Khalid Zaheer, *Qur'anic Arabic for Beginners*, Al-Mawrid A Foundation for Islamic Research and Education, 2013-2014.
- Hafiza Iffath Hasan, *Qur'anic Language Made Easy*, IQRA' International Educational Foundation (2010)
- Hasyim Asy'ari, Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Qur'an, *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam (Nidhomul Haq)* ISSN 2503-1481, Volume 1 (01) 21-28 (<http://e-journal.ikhac.ac.id/index.php/nidhomulhaq/article/view/4/5>)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Asing Dalam Sistem Persekolahan Malaysia*. Kertas Kerja yang disediakan oleh Jawatankuasa Bahasa Asing. Pada 26 Mac 1999.
- Luthfi, Muammar, Pembelajaran Bahasa Arab Dengan Media Al-Qur'an, *Modeling: Jurnal Program Studi PGMI* 1, no. 1 (March 17, 2014): 15-21.
- Mangantar Simanjuntak. (1982). *Aspek Bahasa Dan Pengajaran*. Kuala Lumpur : Sarjana Enterprise.
- Md Noor Bin Hussin, Saupi Man, Khairatul Akmar Abd Latif, Mohammad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Wan Muhammad Akhyar Ab Shatar, Tahap Penguasaan Bahasa Arab Masyarakat Awam Melalui Pelaksanaan Pembelajaran Bahasa Arab Di

- Masjid, Prosiding Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah (IRSYAD), 2016.
(<http://conference.kuis.edu.my/irsyad/e proceeding/2016/1056-irsyad-2016.pdf>)
- Md Noor Hussin, Saupi Man, Khairatul Akmar Abd Latif, Mohammad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Wan Muhammad Akhyar Ab Shatar , Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Arab Di Masjid Negeri Dan Daerah Di Malaysia, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 2017.
- Muhammad ‘Aliyy al-Khu:liyy. (1982). *Asa:li:b Tadri:s al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Riyad : Mata:bi‘ al-Furzuḍuq al-Tija:riyyat.
- Muhbib Abdul Wahab, Logika Bahasa Al-Quran, Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan, UIN Jakarta, 2017.
- Mohammad Najib Jaffar, Kirembwe Rashid Abdul Hameed, Hishomuddin Ahmad , Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia, *Ulum Islamiyyah Journal*, Unlversltl Sals Islam Malaysia, Vol.10 (June) 2013.
- Mohd Sollah Mohamed, Prof. Madya Dr. Mohammad Seman, Keperluan Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji Dan Umrah: Satu Analisis Kajian, *Jurnal Kesidang Journal of Kesidang* Jilid 1 2016.
- Mohammad Imran Bin Ahmad1 , Mohammad Najib Bin Jaffar, Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam: Kajian Awal, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* Vol 4 Bil 2 (2017)